

PENGETAHUAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH TENTANG PENGGUNAAN PETA PEMIKIRAN DALAM PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU

(*Knowledge of Secondary School Students on the Use of Mat Mapping in Malay Language Learning*)

JUMALIAH MINGAN

Kementerian Pendidikan Malaysia
jumaliah67@yahoo.com

ZAMRI MAHAMOD

Universiti Kebangsaan Malaysia
d-zam@ukm.edu.my

Dihantar pada:

21 Julai 2016

Diterima pada:

20 Oktober 2016

Koresponden:

d-zam@ukm.edu.my

Abstrak: Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pengetahuan pelajar tentang penggunaan peta pemikiran dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Kajian ini juga ingin melihat perbezaan pengetahuan berdasarkan jantina, di samping menjelaskan kesesuaian penggunaan peta pemikiran terhadap proses pembelajaran Bahasa Melayu. Seramai 300 orang pelajar Tingkatan 4 dan 5 di sebuah sekolah di daerah Kota Tinggi, Johor dijadikan responden kajian. Kajian ini menggunakan kaedah triangulasi dengan soal selidik digunakan sebagai alat kajian untuk mengutip data di samping kaedah temu bual dan analisis dokumen. Data dianalisis menggunakan *Predictive Analytics Software (PASW) Statistics 18* sebagai alat untuk pemerihal data. Statistik deskriptif seperti peratusan, kekerapan, min dan sisihan piawai digunakan untuk menjawab persoalan kajian, manakala statistik inferensi, iaitu Ujian-t dan Ujian ANOVA digunakan untuk menjawab hipotesis kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengetahuan mengenai peta pemikiran berdasarkan jantina pelajar apabila nilai signifikan didapati lebih besar daripada aras $p.0.05$. Dapatan temu bual pula menunjukkan bahawa penggunaan peta pemikiran dapat merangsang pengetahuan dan minat pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih menarik. Peta pemikiran juga dapat dijadikan alat dalam proses pembelajaran berasaskan kemahiran berfikir. Oleh itu, penggunaan peta pemikiran dalam kalangan pelajar dapat menjadi ukuran kepada keberkesanan peta pemikiran sebagai alat berfikir dalam mata pelajaran Bahasa Melayu menengah atas.

Kata kunci: Peta pemikiran, pembelajaran, bahasa Melayu, menengah atas

Abstract: This study was conducted to identify the knowledge students about the use of mind maps in learning the Malay language. This study also examined the differences in knowledge based on gender, as well as explain the appropriateness of the map thinking about learning Malay and Language. Respondents consisted of 300 students in Form 4 and 5 at a school in the district of Kota Tinggi, Johor. This study uses triangulation with the questionnaire used in this study to collect data as well as methods of interviews and document analysis Data were analyzed using Predictive Analytics Software (PASW) Statistics 18 as a tool for describing data. Descriptive statistics such as percentage, frequency, mean and standard deviation were used to answer the research questions and inferential statistics of t-test and ANOVA were used to answer the hypotheses. The results showed that there was no significant difference between the knowledge of the map based on the gender of the students thought when found significant value is greater than the significance level $p.0.05$. Interview data also showed that the use of thinking maps to stimulate student knowledge and interest in learning the Malay language and make the learning process more interesting. Thinking Maps can also be used as tools in the learning process based thinking skills. Therefore, the use of mind maps in students can be a measure of the effectiveness of thinking maps as a tool for thinking and learning of Malay Language for upper secondary student.

Keywords: i-think, learning, Malay language, secondary school

PENGENALAN

Pendidikan merupakan komponen yang penting dalam usaha memajukan sesebuah bangsa dan negara. Kemajuan sesebuah negara bergantung kepada sistem pendidikan yang baik kerana pendidikan merupakan usaha yang terancang untuk meningkatkan kehidupan dan kualiti sesebuah bangsa. Keadaan ini memerlukan sebuah sistem pendidikan yang selari dan seiring dengan keperluan sesebuah negara. Sistem pendidikan negara terus mengalami perubahan mengikut keperluan semasa. Pembaharuan dilakukan dari semasa ke semasa untuk mengatasi masalah dan juga bagi penambahbaikan sistem pendidikan agar generasi muda terus berjaya.

Bagi memenuhi keperluan semasa rakyat Malaysia dan menyediakan negara untuk bersaing di peringkat antarabangsa, kumpulan pelajar terbaik perlu dihasilkan melalui dua aspek utama iaitu sistem pendidikan secara keseluruhan dan pelajar secara individu. Perubahan sistem pendidikan ini adalah usaha untuk membentuk setiap pelajar untuk berdaya saing di peringkat global melalui enam ciri utama yang perlu dimiliki oleh pelajar seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian dan juga identiti nasional.

Pendidikan merupakan komponen yang penting dalam usaha memajukan sesebuah bangsa dan negara. Kemajuan sesebuah negara bergantung kepada sistem pendidikan yang baik kerana pendidikan merupakan usaha yang terancang untuk meningkatkan kehidupan dan kualiti sesebuah bangsa. Keadaan ini memerlukan sebuah sistem pendidikan yang selari dan seiring dengan keperluan sesebuah negara. Sistem pendidikan negara terus mengalami perubahan mengikut keperluan semasa. Pembaharuan dilakukan dari semasa ke semasa untuk mengatasi masalah dan juga bagi penambahbaikan sistem pendidikan agar generasi muda terus berjaya.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Penyemakan semula kurikulum diperlukan bersesuaian dengan objektif asas sistem pendidikan, iaitu untuk memastikan setiap pelajar dibekalkan dengan ilmu dan kemahiran untuk

berjaya dalam kehidupan. Dari segi pengiktirafan di peringkat global, kemahiran pelajar menguasai 3M (membaca, menulis dan mengira) apabila mereka meninggalkan alam persekolahan adalah tidak mencukupi. Tumpuan bukan hanya kepada kepentingan pemerolehan ilmu pengetahuan, tetapi juga pembangunan kemahiran aras tinggi. McGregor (2007) menyatakan bahawa berfikir merupakan satu proses mental atau aktiviti mental untuk mencari makna. Pengajaran dan pembelajaran (P&P yang berkesan yang menekankan kemahiran berfikir ialah teras kepada pembelajaran.

Proses P&P berteraskan kemahiran berfikir dan strategi berfikir memerlukan penggunaan strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang terancang agar dapat mengembangkan minda pelajar (KPM 2001). Sharifah Nor (2012) menyatakan bahawa dalam transformasi pendidikan negara melalui pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mulai 2011 dan seterusnya Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) pada 2017, daya pemikiran kritis dan kreatif serta daya pemikiran inovatif menjadi fokus dalam usaha melahirkan modal insan yang seimbang agar dapat menangani cabaran semasa dan masa akan datang (KPM 2010).

PERNYATAAN MASALAH

Pencapaian Malaysia dalam ujian antarabangsa PISA pada tahun 2009 menunjukkan Malaysia berada pada kedudukan satu pertiga terendah di dunia malah Thailand mengatasi kedudukan Malaysia. Ujian yang dijalankan bukan sekadar aplikasi tetapi berbentuk menyelesaikan masalah yang memerlukan kemahiran berfikir aras tinggi seperti menganalisis, menilai dan mensintesis. Justeru, pencapaian ini memberi petanda bahawa sistem pendidikan di Malaysia masih lemah dalam melengkapkan pelajar dengan kemahiran tersebut (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025).

Laporan kajian keperluan oleh Perunding Kestrel Education (UK) dan 21 Century Schools (USA) yang dibentangkan pada 2 November 2011 mendapati bahawa pemikiran aras tinggi dalam kalangan guru dan pelajar di Malaysia masih rendah. Dalam mesyuarat antara Agensi Inovasi Malaysia pada 27 Julai 2011, Kementerian

Pendidikan Malaysia telah bersetuju melaksanakan Program *i-Think* dengan merintis 10 buah sekolah di Malaysia dan diperluas kepada 1000 sekolah pada tahun 2013.

Pada tahun 2014 pula semua sekolah akan melaksanakan program ini yang bertujuan untuk mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar ke arah menghasilkan pelajar inovatif seperti yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Guru dan pelajar akan menggunakan alat berfikir dalam P&P di samping melaksanakan aktiviti kemahiran aras tinggi agar kualiti pendidikan di Malaysia setanding pada peringkat global.

memperkenalkan peta pemikiran sebagai satu bahan untuk berfikir dan menyatakan bahawa peta pemikiran dapat menggalakkan meta kognisi dan perkembangan kognitif yang berterusan bagi pelajar sama ada dalam bidang kerjaya dan akademik serta membolehkan pelajar belajar mengikut aturan dalam pembelajaran. Penggunaan peta pemikiran membolehkan objektif pengajaran diperkenalkan dalam masa yang singkat. Guru juga boleh menentukan kepelbagaian pelajar sebelum mengajar dan prestasi pelajar dapat dikesan dengan lebih cepat. Peta pemikiran juga dapat membantu merapatkan jurang pencapaian kalangan pelajar.


TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penggunaan peta pemikiran dalam proses P&P Bahasa Melayu bagi meningkatkan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar. Keberkesanan penggunaan peta pemikiran dalam kajian ini dilihat dari segi tahap pengetahuan terhadap proses P&P mereka di dalam kelas. Kajian ini juga bertujuan untuk meningkatkan pembelajaran berpusatkan pelajar dengan menggunakan peta pemikiran.

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Dalam kajian ini, penyelidik cuba untuk mengkaji penggunaan peta pemikiran (*i-Think*) terhadap pelajar dalam proses P&P Bahasa Melayu. Berdasarkan Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (2012), setiap pelajar perlu belajar cara untuk memperoleh ilmu pengetahuan sepanjang kehidupan mereka dengan menerapkan perasaan ingin tahu dan juga menguasai pelbagai kemahiran kognitif termasuk penyelesaian masalah, penaaakulan dan pemikiran kreatif dan inovatif yang membolehkan mereka menghubungkan pelbagai disiplin ilmu dalam ledakan ekonomi berasaskan pengetahuan dan mereka ilmu yang baharu.


Teori kognitif yang disarankan oleh Piaget (1896-1980) menyatakan bahawa perkembangan pemikiran kognitif kanak-kanak adalah berbeza dan berubah mengikut empat peringkat dan setiap peringkat perkembangan menjadi faktor penting yang akan mempengaruhi pembentukan konsep konkrit dan abstrak. Teori kognitif Piaget melihat bahawa kanak-kanak berusia 12 tahun ke atas



Rajah 1. Lapan bentuk peta pemikiran
Sumber: Pusat Perkembangan Kurikulum (2012)

Dalam menyelesaikan masalah kemahiran berfikir yang belum dibudayakan sepenuhnya dalam sistem pendidikan, Hyerle (2011) telah

sudah mempunyai keupayaan menaakul pemikiran berbentuk abstrak. Semasa dalam proses pengubahsuaian diri dalam alam sekitar, pembelajaran sebenarnya telah berlaku apabila individu memperoleh pengalaman daripada proses interaksi dengan orang lain, benda atau perkara yang terdapat dalam alam sekitar. Hal ini disokong dan diperhalusi lagi oleh Ausubel yang mengatakan dua prasyarat pembelajaran, iaitu (i) pelajar mesti mempunyai sikap dan tujuan positif terhadap aktiviti pembelajaran dan (ii) pengetahuan sedia ada dalam struktur kognitif pelajar harus dikaitkan dengan pelajaran baharu.



Rajah 1. Kerangka konseptual
Diubah suai daripada John Arul Philips (1993) dan Model KBKK (PPK, 1994)

Berdasarkan teori pembelajaran ini, satu kaedah pengajaran yang dapat membina perkembangan kognitif pelajar ialah kaedah peta pemikiran. Peta pemikiran digunakan sebagai satu kaedah pengajaran ke arah membina perkembangan kognitif bagi memupuk pembelajaran bermakna kepada pelajar Hyerle (2000) menyatakan bahawa peta pemikiran adalah pendekatan instruksional yang menyepadukan proses pengajaran semua guru daripada peringkat prasekolah sehinggalah kepada peringkat ijazah dengan satu proses pemikiran yang sama.

Kandungan dan disiplin peta pemikiran yang sama membolehkan pelajar belajar dengan lebih efektif dan efisien (Thinking Maps Inc. 2011).

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan perkara yang terpenting dalam sesebuah kajian (Yin 2003). Reka bentuk kajian yang dipilih oleh penyelidik ialah reka bentuk kajian kombinasi kuantitatif dan kualitatif secara triangulasi. Creswell (2005) berpendapat bahawa reka bentuk ini dilakukan dengan menganalisis data kuantitatif dan kualitatif secara gabungan lalu dibuat interpretasi sama ada kedua-dua data tersebut menyokong atau berlaku kontradiksi.

Kelebihan menggunakan reka bentuk kajian gabungan kuantitatif dan kualitatif secara triangulasi ini ialah data kuantitatif dapat meningkatkan keyakinan pembaca melalui penekanan kepada penilaian individu serta penegasan kepada penggunaan prosedur dan kajian ini akan dapat menghasilkan keputusan yang lebih konkrit dan boleh digeneralisasikan.

Data kualitatif pula akan memantapkan keputusan yang diperoleh kerana data kualitatif mampu menterjemahkan perlakuan manusia yang tidak diperoleh dalam data kuantitatif. Pengkaji juga menggunakan kaedah analisis dokumen untuk menjawab beberapa persoalan kajian. Kaedah ini digunakan kerana pengkaji akan meneliti penggunaan peta pemikiran yang dijadikan sebagai alat berfikir akan diaplikasikan dalam proses P&P di sekolah-sekolah di Malaysia mulai tahun 2014.

Populasi Kajian

Responden kajian ini terdiri daripada 300 orang pelajar daripada sebuah sekolah. Pemilihan responden adalah berasaskan pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) untuk memenuhi tujuan bagi mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Dua orang guru Bahasa Melayu tingkatan lima juga dijadikan sampel kajian melalui instrumen temu bual yang berstruktur.

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, instrumen kajian ialah soal selidik Pemilihan instrumen kajian sangat penting untuk memperoleh maklumat. Instrumen atau alat

ukur akan menentukan sama ada maklumat yang dikehendaki dapat diperolehi atau tidak dan alat ukur yang dapat mengukur dengan tepat pemboleh ubah yang diukur. Salah satu instrumen kajian adalah terdiri daripada soal selidik yang berfungsi untuk mendapatkan maklumat dan data sesuatu kajian. Soal selidik juga amat berkesan jika saiz sampel kajian adalah besar.

Menurut Weirsme (2000), kajian tinjauan merupakan kaedah tinjauan adalah kaedah yang paling sesuai dan banyak digunakan dalam penyelidikan pendidikan. Kaedah ini melibatkan proses penyediaan soal selidik, mengutip data dan menganalisis data. Data yang diperolehi dapat dipiawaikan dengan mudah dan berkesan. Menurut Cates (1986) kaedah berbentuk tinjauan menggunakan soal selidik dapat menghasilkan item-item yang boleh dipercayai dan konsisten jika disediakan dengan baik. Mohd Majid (2000) menyatakan soal selidik ialah kaedah pengumpulan data yang paling berkesan kerana mengambil masa yang singkat, kos yang rendah dan dapatan kajian lebih tepat dan boleh dipercayai.

Dalam kajian ini, instrumen yang digunakan ialah soal selidik. Soal selidik dibentuk dan diubah suai oleh pengkaji berdasarkan kajian lepas iaitu Nurliah (2011) dan Cho Kin Tong (2004). Borang soal selidik terdiri daripada tiga bahagian, iaitu Bahagian A, B dan C (soal selidik dilampirkan dalam Lampiran A). Bahagian A mengandungi lima item yang bertujuan untuk mengenal pasti latar belakang responden. Responden dikehendaki menandakan jawapan berkaitan dengan diri mereka. Bahagian B mengandungi lapan item iaitu maklumat untuk mengukur pengetahuan responden mengenai peta pemikiran. Bahagian C pula mengandungi 13 item untuk mengukur tahap penerimaan dan minat responden terhadap penggunaan peta pemikiran.

Bahagian B mengandungi soalan berstruktur. Responden diminta menamakan peta pemikiran dan kegunaannya. Bahagian C merupakan soalan skala 5 mata iaitu skala 1 untuk sangat tidak setuju, skala 2 untuk tidak setuju, skala 3 untuk kurang setuju, skala 4 untuk setuju dan skala 5 untuk sangat setuju. Dalam bahagian C ini juga memfokuskan kepada pengetahuan dan minat pelajar terhadap penggunaan peta pemikiran bagi mata pelajaran Bahasa Melayu.

Jadual 1. Kandungan soal selidik kajian

Bahagian	Konstruk Yang Diukur	Item	Sumber
A	Latar Belakang Pelajar	1-5	-
B	Pengetahuan Pelajar Tentang Peta Pemikiran	1-10	PPK (2012)
C	Minat Pelajar terhadap Penggunaan Peta Pemikiran	1-13	Nurliah Jair (2011), Cho Kin Tong (2004)

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini menjawab persoalan kajian berkaitan dengan tahap pengetahuan pelajar mengenai penggunaan peta pemikiran dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Tahap Pengetahuan Pelajar terhadap Penggunaan Peta Pemikiran





Bahagian ini meninjau tahap pengetahuan pelajar tentang lapan jenis peta pemikiran dan fungsi setiap peta pemikiran. Sebanyak 18 item telah ditanya dalam kategori ini. Berdasarkan Jadual 1.1, dapatan bagi item 1 menunjukkan 92.3 peratus (%) pelajar mengetahui gambar peta (Peta Dakap), manakala 65.3% pelajar dapat menjelaskan fungsi penggunaan peta pemikiran tersebut. Bagi item 2, dapatan menunjukkan 99.3% pelajar mengetahui gambar peta (Peta Bulat) manakala 78.0% pelajar dapat menjelaskan fungsi penggunaan peta pemikiran tersebut. Item 3 menunjukkan 99.0% pelajar mengetahui gambar peta (Peta Pokok) manakala 79.7% pelajar dapat menjelaskan fungsi penggunaan peta pemikiran tersebut. Item 4 pula menunjukkan 99.0% pelajar mengetahui gambar peta (Peta Titi) manakala hanya 66.7% pelajar dapat menjelaskan fungsi penggunaan peta pemikiran tersebut.





Selain itu, dapatan bagi item 5 menunjukkan 99.3% pelajar mengetahui gambar peta (Peta Buih Berganda) manakala 90.0% pelajar dapat menjelaskan fungsi penggunaan peta pemikiran tersebut. Item 6 menunjukkan 96.0% pelajar mengetahui gambar peta (Peta Alir), manakala 87.3% pelajar dapat menjelaskan fungsi penggunaan peta pemikiran tersebut. Bagi item 7, dapatan menunjukkan 90.0% pelajar mengetahui gambar peta (Peta Pelbagai Alir), manakala 86.7% pelajar dapat menjelaskan fungsi penggunaan peta

pemikiran tersebut. Item 8 pula menunjukkan 98.7% pelajar mengetahui gambar peta (Peta Bulatan), manakala 78.0% pelajar dapat menjelaskan fungsi penggunaan peta pemikiran tersebut. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan skor min tahap pengetahuan pelajar terhadap gambar peta pemikiran adalah cemerlang, iaitu 96.7%, manakala tahap pengetahuan pelajar terhadap fungsi penggunaan peta pemikiran adalah pada tahap baik, iaitu 79.0%.

Dapatlah dirumuskan bahawa daripada hasil analisis ini, pelajar didapati boleh menamakan dan mengenali lapan peta pemikiran yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pelajar juga dapat menyatakan fungsi peta pemikiran yang mempunyai proses pemikiran yang tersendiri. Berdasarkan interpretasi min yang diadaptasi daripada Jamil (1993), didapati tahap pengetahuan pelajar terhadap penggunaan peta pemikiran dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berada pada tahap tinggi. Jadual 2 menunjukkan 10 item dalam mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar mengenai peta pemikiran berdasarkan dimensi nama peta dan fungsi peta pemikiran.

Jadual 2. Peratusan tahap pengetahuan mengenai peta pemikiran

No	Item	Peratus (%)	Tahap
1		Nama Peta: Dakap	92.3
		Fungsi	65.3
2		Nama Peta : Buih	99.3
		Fungsi	78.0
3		Nama Peta: Pokok	99.0
		Fungsi	79.7
4		Nama Peta: Titi	99.0
		Fungsi	66.7

5		Nama Peta: Buih Berganda	99.3	Cemerlang
		Fungsi	90.0	Cemerlang
6		Nama Peta: Alir	96.0	Cemerlang
		Fungsi	87.3	Cemerlang
7		Nama Peta: Pelbagai Alir	90.0	Cemerlang
		Fungsi	86.7	Cemerlang
8		Nama Peta: Bulatan	98.7	Cemerlang
		Fungsi	78.0	Baik
Keseluruhan		Peta	96.7	Cemerlang
		Fungsi	79.0	Baik

Selain menamakan peta pemikiran dan fungsinya, tahap pengetahuan pelajar juga dikenal pasti melalui sembilan item soal selidik adalah berkaitan dengan pandangan pelajar tentang penggunaan peta pemikiran dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Jadual 3 menunjukkan sembilan pernyataan bagi mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar terhadap peta pemikiran. Analisis menunjukkan bahawa sebanyak tiga item yang menunjukkan bahawa pelajar mempunyai pengetahuan yang tinggi (min= 5.00) iaitu item 1 (Saya mempunyai pengetahuan tentang penggunaan peta pemikiran), item 3 (Saya dapat mengenali lapan peta pemikiran) dan item 5 (Saya mendapati pendedahan tentang penggunaan peta pemikiran oleh pihak sekolah) adalah mencukupi.

Jadual 3. Min tahap pengetahuan pelajar terhadap penggunaan peta pemikiran

No	Pengetahuan terhadap Penggunaan Peta Pemikiran	Min	SP	Tahap
1	Saya mempunyai pengetahuan tentang penggunaan peta pemikiran	5.00	0.000	Tinggi
2	Saya mengetahui faktor peta pemikiran diperkenalkan dalam	4.51	0.251	Tinggi

Program i-Think				
3	Saya dapat mengenali lapan peta pemikiran yang diperkenalkan	5.00	0.000	Tinggi
4	Saya tahu bahawa peta pemikiran memudahkan saya untuk berfikir	4.80	0.161	Tinggi
5	Saya mendapati pendedahan penggunaan peta pemikiran yang diadakan oleh pihak sekolah mencukupi	5.00	0.000	Tinggi
6	Saya mempunyai pengetahuan untuk memilih peta pemikiran dengan aktiviti pembelajaran di dalam kelas.	4.55	0.248	Tinggi
7	Saya dapat menggunakan peta pemikiran dengan baik	4.23	0.220	Tinggi
8	Saya dapat menggunakan peta pemikiran tanpa bantuan guru setelah mengikuti kursus berkaitan peta pemikiran	4.25	0.190	Tinggi
9	Saya dapati peta pemikiran sesuai dengan aktiviti pembelajaran Bahasa Melayu	4.25	0.190	Tinggi
Keseluruhan		4.59	0.140	Tinggi

kursus dalaman berkaitan penggunaan peta pemikiran. Pelajar juga telah didedahkan dengan penggunaan peta pemikiran pada awal sesi persekolahan (G1B21 dan G2B18).

Perbezaan Pengetahuan Pelajar terhadap Penggunaan Peta Pemikiran Berdasarkan Jantina

Ho1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengetahuan pelajar mengenai peta pemikiran berdasarkan jantina.

Jadual 4 menunjukkan nilai min pelajar perempuan (min 4.65) adalah lebih tinggi berbanding nilai min lelaki (min 4.59). Hal ini menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan antara pengetahuan pelajar terhadap penggunaan peta pemikiran dengan jantina yang mana nilai-t (300) = 2.126, $p < 0.05$. Hal ini bermakna tidak terdapat perbezaan pengetahuan pelajar terhadap penggunaan peta pemikiran antara pelajar lelaki dan perempuan

Jadual 4. Hasil ujian-t perbezaan antara pengetahuan terhadap penggunaan peta pemikiran berdasarkan jantina

Item 4 (Saya tahu peta pemikiran memudahkan saya untuk berfikir min=4.80), item 6 (Saya mempunyai pengetahuan untuk memilih peta pemikiran dengan aktiviti pembelajaran di dalam kelas min= 4.55), item 2 (Saya mempunyai pengetahuan tentang faktor peta pemikiran diperkenalkan dalam Program *i-Think* min=4.51) juga menunjukkan tahap yang tinggi. Item yang lain menunjukkan min yang tinggi, iaitu item 8 (Saya dapat menggunakan peta pemikiran tanpa bantuan guru setelah mengikuti kursus berkaitan peta pemikiran min=4.25) dan min terendah, iaitu 4.23 bagi item 7 (Saya dapat menggunakan peta pemikiran dengan baik) dan item 9 (Saya dapati peta pemikiran sesuai dengan aktiviti pembelajaran Bahasa Melayu).

Dalam kajian ini, data deskriptif menunjukkan bahawa para pelajar mempunyai pengetahuan yang tinggi berkaitan dengan penggunaan peta pemikiran semasa proses P&P di dalam kelas. Dapatan ini disokong dengan hasil temu bual dengan guru Bahasa Melayu yang menyatakan bahawa guru-guru telah mengikuti

Pengetahuan	Lelaki		Perempuan		t	p
	Min	Sisihan piawai	Min	Sisihan piawai		
	4.59	0.208	4.65	0.257	2.126	0.034*

*signifikan pada aras $P < 0.05$

Perbezaan Pengetahuan Pelajar terhadap Penggunaan Peta Pemikiran Berdasarkan Tingkatan

Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara minat pelajar terhadap penggunaan peta pemikiran berdasarkan tingkatan.

Hasil analisis dalam Jadual 5 menunjukkan nilai min pelajar tingkatan 5 (min 4.69) adalah lebih tinggi berbanding nilai min pelajar tingkatan 4 (min 4.55). Namun dapatan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan min yang signifikan antara pengetahuan pelajar terhadap penggunaan peta pemikiran dengan nilai t (300) = 5.413, $p < 0.05$. Oleh itu, hal ini bermakna bahawa tidak terdapat perbezaan pengetahuan pelajar terhadap

penggunaan peta pemikiran antara pelajar tingkatan 4 dan 5.

Jadual 5. Hasil ujian-t perbezaan antara pengetahuan terhadap penggunaan peta pemikiran berdasarkan tingkatan

	Tingkatan 4		Tingkatan 5		t	p
	Min	Sisihan piawai	Min	Sisihan piawai		
Pengetahuan	4.69	0.297	4.55	0.113	5.413	0.000*

PERBINCANGAN

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti penggunaan peta pemikiran dalam kalangan pelajar di sebuah sekolah di daerah Kota Tinggi, Johor.

Tahap Pengetahuan Pelajar terhadap Penggunaan Peta Pemikiran

Dapatan kajian menunjukkan bahawa para pelajar mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang jenis-jenis peta pemikiran. Berdasarkan dapatan deskriptif, pengetahuan pelajar tentang jenis peta pemikiran adalah cemerlang (96.7%) dan pengetahuan pelajar tentang fungsi peta pemikiran adalah tinggi (79.0%). Item pengetahuan memberikan nama peta pemikiran yang paling tinggi ialah pengetahuan tentang peta buih dan peta buih berganda iaitu 99.3%, diikuti dengan peta pokok dan peta titi sebanyak 99%.

Peratus yang paling rendah ialah menamakan peta alir, iaitu 90.0%. Bagi pengetahuan tentang fungsi peta pemikiran yang paling tinggi ialah peta buih berganda, iaitu 90.0%, manakala peratus yang paling rendah adalah pengetahuan tentang fungsi peta dakap, iaitu 65.3%. Pengkaji juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengetahuan tentang peta pemikiran berdasarkan jantina pelajar. Nilai signifikan didapati lebih besar daripada paras signifikan $p > 0.05$.

Kajian ini memperlihatkan bahawa pengetahuan pelajar tentang peta pemikiran dan fungsi setiap peta pemikiran adalah tinggi kerana mereka telah mendapat pendedahan daripada pihak sekolah pada awal sesi persekolahan. Malah guru-guru juga telah mendapat pendedahan awal

melalui kursus dalaman yang diadakan. Kesemua pelajar tanpa mengira jantina, aliran dan tingkatan mendapat pendedahan yang sama dan kesemua guru diminta menggunakan sekurang-kurangnya dua peta pemikiran dalam seminggu bagi setiap mata pelajaran.

Pengetahuan tentang nama dan fungsi pemikiran adalah penting kerana peta pemikiran adalah alat berfikir yang boleh membantu pelajar berfikir dengan cepat. Kajian ini mendapati bahawa pengetahuan tentang peta pemikiran dalam kalangan pelajar akan dapat meningkatkan kualiti pendidikan kerana peta pemikiran merupakan bahasa visual baharu yang digunakan dalam proses P&P yang berkesan dan cekap. Selain itu, peta pemikiran dapat menyumbang kepada peningkatan tingkah laku pelajar di dalam kelas.

Dapatan kajian ini disokong oleh kajian oleh Sanaa Abd El Azeem (2009) yang mendapati bahawa peta pemikiran dapat membantu pelajar membuat persediaan untuk menjana, menyusun dan membandingkan idea, memahami maklumat yang diperlukan dan menyelesaikan masalah. Penggunaan peta pemikiran juga dapat menyediakan pelajar berfikir cara untuk berfikir secara logik melalui masalah yang kompleks. Dapatan kajian ini menyokong kajian oleh, Nurliah (2008), Ahmad Man (2005), Wong Cong Ming dan Abdul Ghani (2006) dan juga Khairuddin (2011) yang menyatakan bahawa keberkesanan penggunaan alat berfikir dapat membantu pelajar meningkatkan kefahaman, pengetahuan jangka pendek dan kemampuan menyelesaikan masalah yang diberikan berkaitan topik dan juga meningkatkan pencapaian pelajar.

Dapatan temu bual dengan guru juga mendapati bahawa pelajar mengetahui mengenai peta pemikiran dan fungsinya melalui kursus yang diadakan pada awal tahun peta pemikiran diperkenalkan melalui Program *i-Think*. Penggunaan peta pemikiran dalam P&P dilihat mampu meningkatkan minat pelajar dan mendapati pelajar lebih seronok, aktif dan bersemangat ketika belajar. Oleh itu, Khairuddin (2008) menyatakan bahawa setiap guru perlu mengemas kini pengetahuan menurut kehendak serta perubahan dunia pendidikan semasa di samping mempunyai pengetahuan luas terhadap mata pelajaran yang hendak diajarkan.

Penggunaan peta pemikiran menjadikan pembelajaran berpusatkan pelajar menjadi lebih

berkesan dan daya berfikir pelajar dapat ditingkatkan. Menurut Zamri (2014), walaupun pelajar tidak semestinya menggunakan semua peta pemikiran dalam satu tajuk atau mata pelajaran dan menyesuaikannya dengan tajuk pembelajaran, guru perlu mengambil inisiatif memikirkan teknik yang berkesan untuk menyeimbangkan perbezaan individu di dalam kelas.

Seman (2004) berpendapat bahawa strategi terbaik hanya dapat ditentukan oleh guru itu sendiri dengan mengambil kira beberapa faktor tertentu seperti tajuk pelajaran, isi pelajaran, keadaan pelajar dan perancangan guru. Terdapat dua cara yang boleh digunakan oleh guru semasa merancang aktiviti pengajaran, iaitu cara bersendirian dan melalui cara penggabungan atau penerapan kemahiran berfikir ke dalam isi pelajaran (Swartz dan Parks, 1994).

Rumusnya, berdasarkan data kajian menunjukkan bahawa pengetahuan berkaitan peta pemikiran adalah penting bagi memastikan pelajar dapat berfikir dengan cepat menerusi penggunaan alat berfikir. Apabila pelajar dapat berfikir dengan cepat, maka proses P&P akan berlangsung dengan lebih efektif. Ke kerapannya penggunaan peta pemikiran dan kebolehan memindahkan isi pelajaran ke dalam bentuk visual peta pemikiran yang sesuai amat bergantung kepada pengetahuan tentang peta pemikiran dan fungsi setiap peta pemikiran tersebut.

KESIMPULAN

Melalui kajian ini dapatlah dibuat kesimpulan bahawa pelajar telah memiliki pengetahuan dan minat tentang penggunaan peta pemikiran sebagai alat berfikir dalam P&P Bahasa Melayu. Peta pemikiran yang diperkenalkan dalam usaha membudayakan kemahiran berfikir merupakan salah satu alat berfikir yang dapat meningkatkan aras pemikiran pelajar.

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, kajian ini turut mengutarakan beberapa cadangan yang boleh diambil kira oleh pihak-pihak yang berkaitan dan juga kajian-kajian lanjutan pada masa hadapan. Secara keseluruhan, kajian ini diharapkan akan dapat memberikan maklumat mengenai kesediaan pelajar dan membantu meningkatkan penggunaan peta pemikiran sebagai alat berfikir yang baharu.

RUJUKAN

- Ahmad Man. 2005. Aplikasi peta konsep untuk meningkatkan pemahaman pelajar sederhana tingkatan 3 dalam mata pelajaran Sejarah. Kajian Tindakan Jabatan Pelajaran Perak.
- Cho Kin Tong. 2004. Hubungan antara kemahiran berfikir dan kemahiran penyelesaian masalah dengan pencapaian Matematik. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chua Yan Piaw. 2009. *Statistik penyelidikan lanjutan Buku 5*. Selangor: McGraw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Creswell, J.W. 2005. *Educational research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research*. New Jersey: Pearson Merrill Prentice Hall.
- Hyerle, D. 2000. *A field guide to using visual tools*. Washington: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Hyerle, D. 2011. Student successes with thinking maps. 2nd Edition. Thousand Oaks, CA: Corwin Press.
- Khairudin Ahmad. 2011. Keberkesanan kaedah peta konsep terhadap pencapaian, sikap dan kemahiran memahami kronologi dalam kalangan pelajar tingkatan 4. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khairuddin Mohamad. 2008. Amalan penyerapan kemahiran berfikir kritis dalam pengajaran cerpen KOMSAS Bahasa Melayu. Tesis Dr. Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2012. *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. September 2012. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- McGregor, D. 2007. *Developing thinking: Developing learning*. New York: McGraw Hill International.
- Mohd Majid Konting. 2000. *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Cetakan Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Nurliah Jair. 2008. Penggunaan peta konsep untuk meningkatkan pencapaian mata pelajaran Sejarah bagi pelajar tingkatan 2 di Cheras. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Phillips, J.A. 1993. Decision making under uncertainty: An analysis of cognitive biases. *Journal of Educational Management*, 3 (2): 37-45
- Pusat Perkembangan Kurikulum. 2012. *Program i-think: Membudayakan kemahiran berfikir*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. 2001. *Pembelajaran secara Konstruktivisme*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. 1994. *Kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Sanaa Abd Azeem ElSayed Abd El-Rahman. 2009. Keberkesanan peta pemikiran dalam pencapaian dan kemahiran Sains: Penyelesaian masalah dalam kalangan pelajar sekolah. Tesis Dr. Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Zagazig, Mesir.
- Sharifah Nor Puteh 2012. Keprihatinan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2 (11): 19-31.
- Swartz, R.J. & Parks, S. 1994. *Infusing critical dan creative thinking into content instruction*. Pacific Grove, CA: Critical Thinking Press & software.
- Thinking Maps, Inc. 2011. *Thinking maps*. Retrieved March 29, 2011, from <http://www.thinkingmaps.com/>. (12 Julai 2016).
- Weirsm, W. 2000. *Research methods in education: An Introduction*. London: Allyn & Bacon.
- Wong Cong Ming & Abdul Ghani Abdullah. 2006. Keberkesanan penggunaan peta konsep janaan pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*.
- Yin, R.K. 2003. *Case Study research: Design and methods*. 3rd Edition. Thousand Oaks, CA: Sage Publication.
- Zamri Mahamod. 2014 *Inovasi P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Cetakan Ketiga. Tanjung Malim: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.